

**DAPATAN MAKLUMAT OLEH PENGGUNA  
MELALUI SISTEM ILMU DAN DRA : SATU PERBANDINGAN**

**Aznur Umiza bt. Abu Kasim**

**Sarjana Muda Sains Pengajian Maklumat (Kepujian)**

**(Pengurusan Sistem Maklumat)**

**Fakulti Pengajian Maklumat**

**UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA**

**24 Mei 2000**

## **P.E.N.G.I.S.H.A.R.G.A.A.N**

*Bismillahi Rahmanir Rahim...*

*Syukur Al-Hamdulillah dengan keizinanNya, saya berjaya menyiapkan tugas penyelidikan ini setelah merempuhi pelbagai dugaan dan cabaran. Biarpun agak sukar namun ia merupakan pengalaman yang paling bermakna buat diri ini.*

*Penghargaan yang tidak terhingganya dihadiahkan khas kepada Prof. Dr. Szarina Abdullah, Penolong Naib Canselor (Pengajian Jarak Jauh) selaku penyelia penyelidikan yang telah banyak memberikan bimbingan dan nasihat untuk menghasilkan tugas yang berkualiti dan bermakna. Jasa beliau tidak dapat dibalas dan dilupakan.*

*Seterusnya, seuntai ucapan terima kasih ditujukan kepada Pustakawan dan kakitangan Perpustakaan Tun Abdul Razak I, Universiti Teknologi MARA, Shah Alam dan Universiti Malaya, Kuala Lumpur serta pihak yang terlibat dalam membantu saya.*

*Tidak lupa juga penghargaan diberikan kepada keluarga tersayang iaitu ayahbonda serta adik-adik, Ilah, Hakim, Nooi, Aim dan Ecah kerana berkat doa kalian, anakanda berjaya dalam bidang ini. Buat sahabat yang dikasihi, Husnita dan Rubaizah, terima kasih atas pertolongan kalian.*

*Semoga dirahmati Allah atas pengorbanan kalian semua.*

**Aznur Umiza Abu Kasim @ Abu Kassim**

**96610636**

**LS20 / 07**

# KANDUNGAN

## Mukasurat

PENGHARGAAN.....	I
JADUAL KANDUNGAN.....	II
ABSTRAK.....	III
<b>BAB 1 Pengenalan</b>	
1.1. Latarbelakang Penyelidikan.....	9
1.2. Pernyataan Masalah.....	10
1.3. Objektif Kajian.....	11
1.4. Kepentingan Kajian.....	12
1.5. Batasan Penyelidikan.....	12
1.6. Definisi Istilah.....	13
<b>BAB 2 Tinjauan Penyelidikan Terdahulu.....</b>	<b>14</b>
<b>BAB 3 Kaedah Penyelidikan</b>	
3.1. Rekabentuk Penyelidikan.....	20
3.2. Alat Penyelidikan.....	22

## KANDUNGAN

### Mukasurat

#### **BAB 4 Penemuan**

4.1. Langkah-langkah pencarian sistem.....	23
4.2. Kategori pencarian.....	34
4.3. Pengaksesan dari sumber lain.....	46
4.4. Tempoh masa sistem.....	50
4.5. Jenis paparan pencarian bahan.....	56
4.6. Bahagian akses sistem.....	59

#### **BAB 5 Rumusan dan Cadangan**

5.1. Rumusan.....	65
5.2 Cadangan.....	68

#### **RUJUKAN**

## **ABSTRAK**

Kaji selidik ini adalah mengenai dapatan maklumat dengan menggunakan sistem ILMU dan DRA. Kajian ini bertujuan untuk mengetahui persamaan dan perbezaan kedua-dua sistem untuk pengguna dalam pencarian maklumat yang dikehendaki. Ini adalah kerana dapatan semula maklumat adalah penting untuk membantu pengguna membuat rujukan dan mengakses bahan. Dapatan semula maklumat atau *information retrieval* pada zaman sekarang telah diautomasikan. Sebanyak lima objektif telah digariskan. Kaedah pemerhatian telah dijalankan untuk menjawab kelima-lima objektif tersebut. Ia dilakukan dengan menggunakan sistem OPAC ILMU di Perpustakaan Tun Abdul Razak I, Universiti Teknologi MARA, Shah Alam dan sistem DRA di Perpustakaan Universiti Malaya, Lembah Pantai, Kuala Lumpur. Hasil penemuan, penyelidik mendapati bahawa terdapat perbezaan dan persamaan antara sistem ILMU dan DRA dari segi langkah-langkah dapatan maklumat, kategori pencarian, kebolehan mengakses dari sumber lain, kepantasan, jenis paparan maklumat dan bahagian yang boleh diakses untuk mendapatkan bahan.